



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

MALAYSIA TEGUH KOMITED BENTUK MASA DEPAN TENAGA KERJA SERANTAU DI APEC HRDMM 2025

JEJU, 13 MEI 2025 – YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia Malaysia, telah mengetuai delegasi negara ke Mesyuarat Menteri-Menteri Pembangunan Sumber Manusia *Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) ke-7 (7th APEC Human Resources Development Ministerial Meeting, HRDMM)* yang berlangsung dari **11 hingga 13 Mei 2025 di Pulau Jeju, Republik Korea.**

Dengan tema "**Sustainable Labour Market and Jobs for the Future**", mesyuarat ini menumpukan kepada usaha bersama ekonomi-ekonomi APEC untuk mewujudkan pasaran buruh yang fleksibel, inklusif dan berdaya tahan bagi menghadapi cabaran masa depan. Ini adalah selari dengan komitmen Malaysia dalam memastikan kejayaan pelaksanaan *APEC Putrajaya Vision 2040*.

Dalam sesi pleno yang memberi tumpuan kepada *HRDMM Priority 2: Menangani Pekerjaan Masa Depan dan Polisi Pasaran Buruh Aktif*, YB Menteri menegaskan bahawa Malaysia kekal komited untuk melaksanakan dasar yang proaktif dan inklusif dalam pembangunan sumber manusia negara. Beliau turut berkongsi usaha berterusan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dalam:

- **Memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)** melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), dan HRD Corp bagi melahirkan tenaga kerja yang selari dengan kehendak industri;

- **Menawarkan peluang peningkatan kemahiran dan kemahiran semula (reskilling & upskilling)** kepada rakyat merentasi pelbagai sektor untuk meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran;
- **Memperluas akses kepada pekerjaan berkualiti** melalui penggunaan platform digital, sistem padanan pekerjaan, dan teknologi AI dalam perkhidmatan pekerjaan;
- **Meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja** melalui program Career Comeback, polisi kerja fleksibel, serta insentif seperti geran dan subsidi penjagaan anak;
- **Menggalakkan penyertaan semula warga emas** ke pasaran kerja melalui Program Silver Hair dan dasar umur persaraan minimum yang inklusif;
- **Melindungi pekerja gig dan sektor informal** melalui inisiatif seperti Rang Undang-Undang Pekerja Gig 2025 dan skim perlindungan sosial di bawah PERKESO;
- **Menyokong pengiktirafan rentas sempadan** bagi kemahiran dan pensijilan serta mempercepat literasi digital melalui pelaksanaan MyDIGITAL dan agenda IR4.0.

Dalam sesi perbincangan bersama menteri-menteri APEC, YB Menteri KESUMA menyeru kerjasama lebih erat dalam membina ekosistem tenaga kerja masa hadapan yang lestari, adil dan responsif terhadap perubahan teknologi serta demografi.

Malaysia kekal komited untuk menjadi rakan strategik APEC dalam memacu agenda pembangunan sumber manusia secara inklusif dan mampan, demi menyediakan rakyat dengan peluang pekerjaan berkualiti serta meningkatkan daya saing ekonomi serantau.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

13 MEI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpkerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	